

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Karnival TaHa U perkasa remaja
03 Apr 2011
Berita Minggu
Nasional
N/A
Daily
297,950 / 2,476,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
17
250 cm²
Black/white
7,080
21,240



MOHD RIDZUAN memotong riben sebagai simbolik pelancaran Karnival TaHa@U sambil diperhatikan Ahmad Solihin (dua dari kanan) dan Zainor (kanan) di UM, semalam.

Karnival TaHa@U perkasa remaja

Program rangsang warga UM menabung

Basir Zahrom

KUALA LUMPUR: Karnival TaHa@U anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) dengan kerjasama *Berita Harian* di Kompleks Dewan Siswa Universiti Malaya (UM), di sini semalam disambut meriah warga universiti tertua negara itu yang menyertai pelbagai aktiviti.

Sesi awal pagi dimulakan dengan larian sekitar UM yang juga simbolik pelancaran karnival bertemakan 'Memperkasakan Remaja Islam' sebelum diteruskan dengan sukan rakyat dan penguapan awam yang me-

nyaksikan peserta pelbagai jurusan di UM diberi hanya tujuh minit mengupas tajuk pidato diberikan.

Penasihat Sekretariat Karnival TaHa@U UM, Prof Madya Ahmad Solihin Baba, berkata karnival itu bukan saja menyedarkan generasi muda untuk terus menabung, malah menjadi landasan meningkatkan kemahiran insaniah menerusi pengendalian acara pada peringkat universiti.

"Kami juga mengadakan aktiviti berskala kecil di 12 kolej kediaman dengan aktiviti berasaskan sukan, kesenian, kebajikan dan rekreasi," katanya.

Hadir sama Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohd Ridzuan Wahid; Pengarang Eksekutif Rencana Berita Harian, Zainor Said; Pengurus Kanan Khidmat Pelanggan TH, Noor Azmima Ismail dan Pengarang Berita Pendidikan (Editorial) Berita Harian, Fadzlena Jafar.

Pengarah program, Muhammad Hafizudin, berkata karnival itu juga membolehkan warga kampus dan masyarakat sekitar UM mendapatkan maklumat terperinci mengenai kelebihan urusan niaga menggunakan emas menerusi Seminar Dinar Emas serta mendengar ceramah industri halal.